

Shinzo Abe
Perdana Menteri Jepun
1-6-1 Nagata-cho
Chiyoda-ku
Tokyo 100-8968
Japan

Sarawak, September 2017

Yang Amat Berhormat (YAB) Perdana Menteri,

Saya adalah Ketua Kampung Long Jaik, salah satu kampung suku Penan di Sarawak. Kami tinggal di kawasan pedalaman hutan hujan Borneo. Kami dimaklumkan bahawa negara Jepun kini sedang menggunakan kayu balak yang diimpot dari Sarawak untuk pembinaan Stadium Olimpik Baru di Tokyo, Jepun. Kami difahami bahawa sumber pembekalan kayu balak tersebut adalah daripada satu kompeni balak yang bernama Shin Yang. Kami amat mengenali kompeni balak tersebut kerana mereka beroperasi di atas tanah perkampungan pusaka kami tanpa persetujuan; dan mereka telah memusnahkan hutan kami, kehidupan asas kami dan juga kebudayaan kami selama dua puluh tahun. Oleh itu, dengan segala hormatnya, kami ingin meminta YAB Perdana Menteri untuk mempertimbangkan cerita kami dan menggunakan kuasa pengaruh YAB Perdana Menteri untuk menghentikan penggunaan papan dan kayu balak dari Shin Yang di negara Jepun.

Kami, suku kaum Penan, telah tinggal di dalam hutan hujan Borneo sejak dari dahulu lagi. Mula-mulanya, kami hidup secara bermadani dengan memburu dan mengumpul semua sumber makanan kami yang terdapat di dalam hutan. Kehidupan kami amat bergantung kepada persekitaran dan ekologi perhutanan yang sihat. Bagi kami, hutan bukan sahaja membekalkan keperluan kehidupan sehari-hari kami, tetapi juga membawa keselesaan hidup di samping membentuk identiti kami. Tanah pusaka NCR dan hutan telah menentukan kehidupan dan identiti nenek moyang kami sejak masa silam lagi.

Kompeni Shin Yang telah menjalankan aktiviti-aktiviti pembalakan secara agresif di dalam kawasan perkampungan kami. Apabila mereka mengambil kayu balak dengan traktor mereka, mereka akan meratakan keseluruhan kawasan sekeliling, memusnahkan pokok rotan dan pokok-pokok buah serta kelompok-kelompok sago kami. Apabila mereka menjalankan aktiviti

pembalakan, mereka langsung tidak mempertimbangkan pokok atau sumber hutan kami. Mereka memusnahkan keseluruhan hutan di kawasan pembalakan. Mereka tidak prihatin atau peduli tentang kepentingan kami. Mereka membalak dan mengambil semua sumber tanpa memberikan apa-apa kepada kami. Ini bukan hanya merumitkan kehidupan kami tetapi membawa impak negative terhadap kebudayaan dan hak asasi kami.

Shin Yang membalak di atas tanah pusaka/adat kami tanpa persetujuan atau keizinan dari pihak kami. Mereka tidak pernah bertanya tentang pandangan atau keinginan kami. Oleh itu, kami menentang Shin Yang dengan “blockade” dan juga telah membawa satu kes saman terhadap Shin Yang dalam Mahkamah. Kes tersebut masih berterusan. Akan tetapi, Shin Yang masih terus membalak di dalam kawasan hutan kami. Mereka masih ingin mengambil sebanyak yang dapat dari hutan kami.

YAB Perdana Menteri, tolong pastikan pihak Jepun tidak membeli atau menggunakan kayu-kayan yang dicuri dari kami oleh kompeni Shin Yang. Selagi pihak Jepun meneruskan penggunaan kayu-kayan ini, Shin Yang akan meneruskan aktiviti-aktiviti pembalakan di dalam hutan kami setiap hari tanpa henti. Hutan kami, pokok-pokok kami serta kayu-kayan kami akan mengalami kehabisan serta kepupusan. Kehidupan kami juga akan menjadi lebih sengsara.

Kami amat mengharapkan simpati mengenai aduan kami ini daripada pihak YAB Perdana Menteri.

Sekian, terima kasih.

Yang Benar,

T.R MATU TUGANG
LONG JAIK, BELAGA,
96900 BELAGA.

Matu

Tuai Rumah Matu Tugang
Long Jaik, Belaga, Sarawak